

**Gagal Sedia Rumah Rakyat Miskin Tunjuk DAP Pulau Pinang Tidak Adil –  
Muhyiddin  
Bernama  
22 Mei, 2012**

JOHOR BAHRU, 22 Mei (Bernama) -- Kegagalan DAP yang menerajui kerajaan negeri Pulau Pinang dalam menyediakan projek perumahan rakyat miskin dan golongan marhaen menunjukkan parti itu bukan parti yang adil, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Dia kata dia parti demokratik tapi dia tidak demokratik. Dia tidak adil, tidak memberi perhatian yang setimpal antara kepentingan semua kaum.

"Ini suatu perkara yang bagi saya tidak sepatutnya berlaku," kata Muhyiddin kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Promosi Perkayuan Malaysia - Galeri Glulam di sini, Selasa.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan akhbar semalam bahawa 18,000 orang Melayu Pulau Pinang terpaksa berhijrah ke negeri lain kerana tiada projek perumahan yang mampu mereka beli selain tidak mampu menampung kos sara hidup yang terlalu tinggi.

Mengikut Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi Pulau Pinang (PRECISE) yang dikeluarkan Oktober tahun lalu, jumlah penduduk Melayu berkurangan daripada 654,300 orang pada 2009, kepada 636,146 orang pada 2010, iaitu penyusutan 18,154 orang dalam tempoh setahun.

Kajian yang didedahkan oleh Bekas Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Dr Mohammad Fairus Khairuddin baru-baru ini juga menunjukkan purata harga rumah melebihi RM500,000 seunit di negeri itu dikenal pasti antara faktor ramai orang Melayu berhijrah ke kawasan luar bandar dan negeri jiran sejak 2010.

Muhyiddin menyifatkan kejadian itu sebagai amat memalukan dan satu sikap yang tidak adil kerana kerajaan Pulau Pinang tidak mengambil perhatian dan meminggirkan orang Melayu kelahiran negeri itu.

"Walaupun mungkin mereka akan nafikan, saya harap data-data itu betul dan kalau betul maknanya mesti ada suatu yang proaktif perlu dibuat," katanya.

Ditanya mengenai peranan kerajaan pusat bagi menyelesaikan perkara itu, beliau berkata kerajaan biasanya mengambil langkah menyediakan rumah-rumah kos sederhana atau rumah mampu milik untuk golongan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, peranan yang utama mesti dimainkan kerajaan di peringkat negeri.

"Dia ada kawasan tanah Melayu, patut dia boleh bantu dan bangunkan untuk menempatkan semula orang Melayu agar mereka tidak keluar dari Pulau Pinang.

"Itu inisiatif yang negeri boleh buat tapi kalau negeri tiada polisi maka akhirnya kerajaan pusat terpaksa membantulah," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667797>